



Henti aniaya pengguna Islam

Kecoh seluruh negara apabila serbuan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) baru-baru ini mendedahkan sebuah premis makanan di Seksyen 25, Shah Alam mengelirukan masyarakat Islam dengan menggantung ayat al-Quran di dalam restoran dan tulisan Jawi pada papan tanda perniagaan sedangkan pemiliknya bukan Islam. Walaupun perkara sebegini pernah didedahkan sebelum ini, namun insiden terbaru ini membuktikan ia masih terus berlaku lantas mencetuskan rasa tidak puas hati dalam kalangan umat Islam di negara ini.

Hakikatnya isu halal dan haram terutama dalam aspek makanan dan minuman adalah satu persoalan yang sensitif kepada umat Islam. Jadi tidak hairanlah tindakan pengusaha kedai makan ini menaikkan rasa marah anggota masyarakat. Kemarahan rakyat boleh dilihat di media sosial terutama Facebook dan Twitter dengan pelbagai komen yang menterjemahkan rasa kecewa umat Islam kerana selama ini diperdaya dan ditipu oleh pengusaha tidak bertanggungjawab seperti ini. Kita juga tidak boleh terima alasan kononnya mereka tidak tahu ia satu perbuatan salah atau boleh mengelirukan orang ramai kerana sebagai rakyat Malaysia kita perlu faham dan sedar mengenai adat, budaya dan amalan rakyat negara ini apatah lagi ia membabitkan isu sensitif seperti soal halal dan haram.

Penulis percaya masih ramai lagi pengusaha kedai makan bukan Muslim yang membuat kerja tidak beretika dan bertanggungjawab seperti ini di seluruh negara semata-mata mahu menarik pelanggan dalam kalangan umat Islam. Jadi sampai bila kita mahu biarkan perkara seperti ini berlarutan dan sampai bila umat Islam yang menjadi golongan pengguna majoriti di negara ini terus ditipu dan diperdaya? Kita harap insiden yang baru berlaku ini akan membuka mata semua pihak supaya segera bertindak bagi menangani kes penipuan terhadap umat Islam dilakukan secara terang-terangan seperti ini.

Ironinya tindakan segelintir pengusaha kedai makan bukan Muslim seperti ini sudah mula memberi kesan negatif terhadap pengusaha 'kedai mamak' yang 100 peratus Muslim yang begitu popular di negara ini. Hal ini kerana pengguna sudah mula meragui semua pengusaha kedai makan kerana khuatir tertipu lagi. Antara perkara yang sedang menghantui pengguna sekarang ialah, persoalan mengenai status halal dan haram sesuatu premis makanan walaupun ada menggantung ayat al-Quran serta sijil halal yang dikaitkan pula

dengan status pekerja di premis terbabit yang juga dikatakan terdiri daripada pekerja bukan Islam sekali gus mencetuskan tanda tanya tentang tahap kebersihan di premis terbabit.

Jelas di sini timbul banyak persoalan yang perlu dirungkai dengan segera kerana ia membabitkan aspek pemakanan yang akan menjadi darah daging kita apatah lagi bagi umat Islam soal halal dan kebersihan makanan menjadi tuntutan utama. Jadi sudah tiba masanya untuk kita bertindak agresif bagi mengatasi isu ini secara total.

Sebenarnya kita sebagai pengguna boleh memainkan peranan besar dalam hal ini. Misalnya sebagai pengguna kita ada hak untuk memilih hendak makan di premis yang mana. Jadi pilihlah premis yang kita yakin bersih, halal dan semua pekerjaannya juga beragama Islam. Sewajarnya kita mampu membezakan antara pekerja beragama Islam dan bukan Islam. Dan kita juga ada hak untuk memboikot mana-mana premis yang didapati tidak menepati kriteria tersebut. Malah jika mendapati ada premis yang menipu lagi elok kita melaporkan dengan segera kepada pihak berkuasa supaya dapat diambil tindakan yang sewajarnya sekali

gus melindungi pengguna lain daripada menjadi mangsa keadaan. Inilah masanya untuk kita menegakkan dan menunjukkan kuasa kita sebagai pengguna, jangan terus berdiam diri mahupun membiarkan diri dan orang lain terus diperdaya dan ditipu seperti ini.

Dalam pada itu kita juga berharap pihak berkuasa akan lebih sensitif dalam isu seperti ini dan mengambil tindakan agresif bagi melindungi hak dan menyelamatkan pengguna Islam supaya tidak terus diperdaya oleh pengusaha yang tidak berhati perut dan sanggup melakukan apa saja untuk mengaut keuntungan. Dalam konteks ini, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) misalnya perlu memainkan peranan supaya dapat menghidu dan mengenal pasti pengusaha yang menggunakan pelbagai strategi licik bagi mengaburi mata semua pihak sehingga boleh memperoleh lesen perniagaan dan meneruskan operasi tanpa masalah.

PBT misalnya perlu bergabung tenaga dan kepakaran bersama pasukan KPDNHEP supaya dapat melakukan pemantauan, pemeriksaan dan operasi penguatkuasaan secara tetap dan berjadual. Pihak berkuasa agama juga perlu turut serta bagi

mengesahkan status sijil halal yang mereka guna pakai. Ingat, kita tidak mahu operasi hanya dibuat bila ada aduan atau timbul sesuatu insiden. Kita faham kekangan masa dan kekurangan anggota penguat kuasa, namun demi melindungi hak pengguna Islam kita harap sangat pasukan ini akan bertindak dengan lebih kerap. Jika ini dapat dilakukan kita yakin masalah penipuan ini dapat dirungkai. Tujuan kita meminta operasi dilakukan secara kerap dan berulang kerana kita juga sedia maklum taktik licik pengusaha yang kerap menucar pekerja, jadi kita tidak mahu mereka cuba mengaburi mata pihak berkuasa.

Pada masa sama adalah lebih strategik jika kita boleh menyekat pengusaha tidak bertanggungjawab seperti ini dari peringkat pengeluaran lesen perniagaan itu sendiri. Pihak SSM misalnya wajar meneliti kaedah pengeluaran lesen ini yang memerlukan penelitian dan siasatan yang lebih mendalam. Logiknya kita tidak mahu SSM meluluskan penggunaan nama Islam kepada mana-mana premis makanan yang pengusahanya terdiri daripada kalangan individu bukan Muslim kerana jika itu masih berlaku, dari situ lagi kita sudah boleh agak ia akan

mencetuskan kemudaratan kepada pengguna Islam. Andai peraturan sedia ada tidak membenarkan SSM menghalang atau tidak boleh tidak meluluskan permohonan lesen seperti ini, maka inilah masa terbaik untuk SSM dan kementerian berkaitan meneliti dan meminda peraturan tersebut. Buatlah apa yang patut asalkan kita dapat melindungi pengguna Islam. Ingat Islam agama rasmi bagi Persekutuan dan kita tidak mahu ada pihak sengaja merobek kesucian tersebut termasuk dalam konteks menyalahguna nama Islam untuk memperdaya umat Islam.

Semoga pendedahan dan insiden yang berlaku ini menjadi iktibar dan peringatan signifikan kepada kita semua. Pokoknya kita tidak boleh kompromi dalam soal halal dan haram apatah lagi dalam aspek pemakanan. Sebagai pengguna marilah kita tegakkan hak kita, kepada pihak berkuasa kita harap agensi berkaitan akan bertindak lebih agresif dan kepada pengusaha bukan Muslim kita mohon hentikanlah perbuatan memperdaya dan menipu pengguna Islam seperti ini.

Penulis Timbalan Pendaftar
Fakulti Kejuruteraan
Universiti Putra Malaysia

Dialog Kotaraya

Oleh Juragan

